

Khamis, Jan 04 2018

Ekonomi stabil, ringgit tidak akan ditambat

KUALA LUMPUR 3 Jan. - Ekonomi Malaysia telah diiktiraf sebagai stabil oleh badan-badan penarafan manakala nilai ringgit juga semakin kukuh dan dijangka terus meningkat, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata, dakwaan bahawa negara akan muflis gara-gara hutang negara dan kejatuhan nilai ringgit hanyalah sabotaj ekonomi semata-mata.

"Keadaan kita sentiasa dipantau oleh badan-badan penarafan. Kita ada Moody's, Fitch (Ratings), kita ada IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa), World Bank (Bank Dunia) yang datang secara berka-

la di Malaysia.

"Mereka akan tengok segala-galanya. Daripada kajian mereka secara terperinci, mereka masih mengekalkan penarafan Malaysia pada A- dan *outlook* (prospek) yang stabil."

"Bererti bahawa kita dalam kelompok negara A," kata Najib dalam program temu bual, 'Bicara 4 Mata', yang disiarkan menerusi portal *therakyat.com*, RTM dan TV3 bersempena pelancaran portal itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Wawancara itu dihoskan Datuk Aznil Nawawi.

Therakyat.com merupakan portal rasmi Barisan Nasional (BN)

untuk pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Najib, yang juga Menteri Kewangan berhujah bahawa sekiranya Malaysia dikatakan akan bankrap, tentunya negara-negara dalam kelompok B dan C akan bankrap lebih awal daripada A.

"Jadi, tak adalah tanda-tanda yang kita nak bankrap dan rizab kita jauh lebih besar daripada rizab semasa krisis kewangan Asia pada 1997 dahulu. Pada ketika itu kita punya rizab lebih kurang AS\$20 bilion. Sekarang ini sudah lebih AS\$100 bilion, maknanya lima kali ganda daripada keadaan rizab ketika itu," kata Perdana Menteri. - BERNAMA